

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Seri Tiong King Sing
[Bintulu]**

NO. SOALAN : 197

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-

- a. bilakah pihak Kementerian akan melaksanakan projek Pembinaan Semula Rumah (e-Kasih) bagi kes-kes yang melibatkan bencana alam, kebakaran sebanyak 138 buah rumah kediaman semenjak tahun 2010 yang masih belum dilaksanakan sehingga hari ini; dan

- b. mengapakah pihak Kementerian mengambil masa yang begitu lama untuk meluluskan permohonan ini sedangkan pihak Kementerian Pembangunan Luar

Bandar Negeri Sarawak telah pun membuat lawatan tapak di kawasan bencana tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah(KKLW) komited dalam membantu golongan miskin dan miskin tegar yang memerlukan rumah. Mekanisme pelaksanaan PBR di negeri Sarawak adalah melibatkan kerjasama KKLW dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Negeri Sarawak yang bertindak sebagai penyelaras keseluruhan pelaksanaan PBR bersama Pejabat Residen dan Pejabat Daerah.

Untuk makluman Yang Berhormat, melalui kerjasama ini, sejumlah **24,231 unit rumah telah dibina dan di baik pulih** sepanjang tempoh pelaksanaan PBR dari tahun **2011 sehingga tahun 2014 dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM459.9 juta.**

Bagi **kes bencana atau kebakaran berskala besar** yang melibatkan **banyak rumah dan kawasan yang luas**, ia adalah terletak **di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara (MKN)**. Perkara ini adalah selari dengan keputusan Mesyuarat *Delivery Task Force National Key Result Area Rural Basic Infrastructure (DTF NKRA RBI)* Bil.1/ 2012 pada 5 Januari 2012 di mana YAB Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan bahawa sebarang bantuan kepada mangsa kebakaran dan bencana adalah di bawah tanggungjawab MKN.

Untuk makluman, permohonan untuk membina 134 unit rumah dengan anggaran kos berjumlah RM6.7juta adalah dalam pengetahuan Kementerian. Walau bagaimanapun, pertimbangan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kesediaan peruntukan tahunan semasa.

SOALAN (198)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peruntukan khas di dalam melaksanakan Projek Perumahan Setinggan Sementara (Konsep Rumah Panjang) di bahagian Bintulu yang memerlukan kediaman sementara yang melibatkan 1,600 buah keluarga yang perlu dipindahkan dalam masa terdekat ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada perancangan bagi pelaksanaan **projek perumahan setinggan sementara** di Bintulu.

Walaubagaimanapun, Kementerian telah menerima permohonan bagi membina satu lagi projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Bintulu. Kementerian akan menimbangkan permohonan untuk membina 500 unit PPR ini di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) kelak. Pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keutamaan Kerajaan Negeri dan juga kelulusan peruntukan oleh Kerajaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2015